



## Perhimpunan Agung

Edaran: Terhad  
12 September 2007  
Original: English

Sesi ke enam puluh satu

Perkara agenda 68

Laporan Majlis Hak Asasi Manusia

**Belgium, Bolivia, Costa Rica, Cuba, Denmark, Dominican Republic, Ecuador, Estonia, Finland, Germany, Greece, Guatemala, Hungary, Latvia, Nicaragua, Peru, Portugal, Slovenia and Spain: draf resolusi**

### Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

*Perhimpunan Agung,*

*Dengan mengambil kira* saranan Majlis Hak Asasi Manusia yang terkandung dalam resolusi 1/2 bertarikh 29 Jun 2006, di mana Majlis tersebut telah menerima pakai teks Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan dengan Hak-hak Orang Asal,

*Merujuk kembali* resolusi 61/178 bertarikh 20 Disember 2006, yang mana ia telah memutuskan untuk menangguhkan pertimbangan dan tindakan ke atas Deklarasi tersebut untuk memberikan lebih masa untuk rundingan ke atas Deklarasi tersebut, dan juga untuk memutuskan kesimpulan berkenaan dengan pertimbangan mereka sebelum berakhirnya Perhimpunan Agung sesi ke enam puluh satu,

*Menerima pakai* Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan dengan Hak Orang Asal seperti yang terkandung dalam 'annex' (tambahan) resolusi masa sekarang.



### **TERJEMAHAN TIDAK RASMI JOAS**

*Untuk Orang Asal Malaysia*

*Malumat dan Penerangan Lanjut sila rujuk teks rasmi PBB*

*Atau hubungi:*

*Jaringan Orang Asal Se-Malaysia*

[lasimbang@gmail.com](mailto:lasimbang@gmail.com)

## **‘Annex’ (Tambahan)**

### **Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan dengan Hak Orang Asal**

*Perhimpunan Agung,*

*Berpedomankan oleh* tujuan dan prinsip-prinsip Perjanjian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, dan dengan tujuan murni untuk menunaikan tanggungjawab yang difahami bersama oleh Negara-negara, selaras dengan Piagam tersebut,

*Menegaskan* bahawa orang asal adalah sama taraf dengan orang lain, di samping mengiktiraf semua orang ada hak untuk berbeza, untuk menganggap diri mereka berbeza, dan untuk dihormati sedemikian rupa,

*Menegaskan juga* bahawa semua orang menyumbang kepada kepelbagaian dan kekayaan tamadun dan kebudayaan, yang membentuk warisan bersama manusia sedunia,

*Menegaskan seterusnya* bahawa semua doktrin, polisi dan amalan berasaskan kepada atau sokongan terhadap ketuanan sesebuah kaum atau individu yang berteraskan kepada asalnya atau bangsanya, agama, etnik atau perbezaan budaya adalah bersifat perkauman, palsu dari segi saintifik, tidak sah secara undang-undang, tidak bermoral dan tidak adil secara sosial,

*Menegaskan semula* bahawa orang asal, dalam mengamalkan hak-hak mereka, harus bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi,

*Prihatin* bahawa orang asal telah menderita akibat daripada ketidakadilan bersejarah sebagai kesan daripada, antara lain; penjajahan dan rampasan tanah mereka, wilayah dan sumber alam, oleh itu menghalang mereka daripada mengamalkan, secara khasnya, hak mereka untuk pembangunan yang selaras dengan keperluan dan kepentingan mereka,

*Mengiktiraf* keperluan mendesak untuk menghormati dan mempromosi hak yang wujud dalam masyarakat orang asal yang berasal dari struktur politik, ekonomi, dan struktur sosial dan dari budaya mereka, kerohanian tradisi, sejarah dan falsafah, terutamanya hak mereka ke atas tanah, wilayah dan sumber asli,

*Mengiktiraf juga* keperluan mendesak untuk menghormati dan mempromosi hak-hak orang asal yang telah ditegaskan dalam pelbagai perjanjian, persetujuan dan pelbagai jenis peraturan yang membina dengan Negara-negara,

*Mengalukan* hakikatnya bahawa orang asal menyatukan diri mereka untuk peningkatan dari segi politik, ekonomi, sosial dan budaya dan untuk menamatkan semua bentuk diskriminasi dan penindasan di mana saja ia berlaku,

*Meyakini* bahawa kawalan oleh orang asal sendiri ke atas pembangunan yang melibatkan mereka dan tanah, wilayah dan sumber mereka akan membolehkan mereka untuk mempertahankan dan memperkuat institusi, budaya dan tradisi mereka, dan untuk mempromosi pembangunan yang selaras dengan aspirasi dan keperluan mereka,

*Mengiktiraf* bahawa rasa hormat kepada pengetahuan orang asal, budaya dan amalan tradisi menyumbang kepada pembangunan yang lestari dan adil dan pengurusan yang sesuai untuk alam sekitar,

*Menekankan* sumbangan kepada menyahtenterakan tanah dan wilayah orang asal ke arah keamanan, kemajuan dan pembangunan ekonomi dan sosial, persefahaman dan perhubungan yang baik di kalangan negara-negara dan manusia sejagat di dunia,

*Mengiktiraf secara khasnya* hak keluarga dan komuniti orang asal untuk mengekalkan tanggungjawab yang dikongsi dalam membesarkan, melatih, mendidik dan kesejahteraan anak mereka, berlandaskan hak kanak-kanak yang diterima pakai,

*Mengambil kira* bahawa hak-hak yang disahkan dalam perjanjian, persetujuan dan pelbagai jenis peruntukan membina antara Negara-negara dan orang asal adalah, dalam situasi tertentu, adalah perkara yang menjadi keprihatinan, kepentingan, tanggungjawab dan bersifat antarabangsa,

*Mengambil kira juga* bahawa perjanjian, persetujuan dan pelbagai jenis peruntukan membina, dan perhubungan yang diwakili mereka, adalah asas untuk memperkukuhkan perkongsian antara orang asal dan Negara-negara,

*Mengiktiraf* bahawa Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Perjanjian Antarabangsa Hak Ekonomi, Hak Sosial dan Budaya<sup>1</sup> dan Perjanjian Antarabangsa Hak Sivil dan Politik dan juga Deklarasi Vienna dan Program Tindakan,<sup>2</sup> yang kesemuanya mengesahkan asas betapa pentingnya hak untuk menentukan pilihan sendiri untuk semua orang, memandangkan mereka secara bebas menentukan status politik mereka dan dengan bebas mengejar pembangunan ekonomi, sosial dan budaya mereka,

*Mengekalkan dalam ingatan* bahawa tiada perkara dalam Deklarasi ini boleh digunakan untuk menafikan orang lain ke atas hak mereka untuk menentukan pilihan sendiri, diamalkan dengan pengakuran terhadap undang-undang antarabangsa,

*Meyakini* bahawa pengiktirafan hak orang asal dalam Deklarasi ini akan meningkatkan lagi hubungan harmoni dan kerjasama antara Negara-negara dan orang asal, berdasarkan prinsip-prinsip keadilan, demokrasi, hormat kepada hak asasi manusia, tiada diskriminasi dan bertujuan murni,

*Menggalakkan* Negara-negara untuk mematuhi dan melaksanakan dengan berkesan semua tanggungjawab mereka seperti yang telah ditetapkan untuk orang asal di bawah instrumen-instrument antarabangsa, khususnya yang berkaitan dengan hak asasi manusia, melalui perundingan dan kerjasama dengan orang asal yang terlibat,

*Menekankan* bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mempunyai peranan yang penting dan berterusan yang harus dimainkan dalam mempromosi dan melindungi hak orang asal,

*Mempercayai* bahawa Deklarasi ini adalah satu langkah ke hadapan yang penting untuk pengiktirafan, promosi dan perlindungan ke atas hak-hak dan kebebasan orang asal dan dalam pembangunan aktiviti-aktiviti yang relevan dengan sistem Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam bidang ini,

*Mengiktiraf dan mengesahkan semula* bahawa individu orang asal adalah berhak tanpa sebarang diskriminasi untuk semua hak asasi manusia yang diiktiraf oleh undang-undang antarabangsa, dan bahawa orang asal memiliki hak bersama yang tidak boleh dinafikan untuk kewujudan, kesejahteraan dan pembangunan asas yang penting sebagai manusia,

*Mengiktiraf juga* bahawa situasi orang asal adalah berbeza dari rantau ke rantau dan dari negara ke negara dan bahawa kepentingan ciri-ciri khusus nasional dan rantau tersebut dan pelbagai latar belakang sejarah dan budaya harus diambil kira,

---

<sup>1</sup> Rujuk resolusi 2200 A (xxi), annex.

<sup>2</sup> A/CONF.157/24 (Bahagian I), Perenggan III

---

*Dengan besar hati mengisytiharkan* bahawa Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan dengan Hak Orang Asal yang berikutnya ini sebagai satu piawai pencapaian yang harus dikejar dalam semangat perkongsian dan saling menghormati:

**Artikel 1**

Orang asal berhak untuk menikmati sepenuhnya, sebagai satu kumpulan atau sebagai individu, semua hak asasi manusia dan kebebasan asas seperti mana yang diiktiraf dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Deklarasi Sejahtera Hak Asasi Manusia<sup>3</sup> dan undang-undang hak asasi antarabangsa.

**Artikel 2**

Individu dan komuniti Orang Asal adalah bebas dan sama rata dengan manusia dan individu lain dan mempunyai hak untuk bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi, dalam mengamalkan hak-hak mereka, secara khasnya yang berdasarkan asal usul atau jatidiri mereka.

**Artikel 3**

Orang asal mempunyai hak untuk menentukan pilihan sendiri. Memandangkan hak-hak tersebut, mereka secara bebas menentukan status politik dan mengejar pembangunan ekonomi, sosial dan kebudayaan mereka.

**Artikel 4**

Orang asal, ketika mengamalkan hak mereka dalam menentukan pilihan sendiri, mempunyai hak ke atas autonomi atau pemerintahan sendiri dalam hal-hal dalaman dan hal ehwal tempatan, dan juga cara-cara dan langkah-langkah untuk membiayai fungsi-fungsi kerajaan sendiri tersebut.

**Artikel 5**

Orang asal mempunyai hak untuk mempertahankan dan memperkuat politik, undang-undang, ekonomi, sosial dan institusi budaya mereka yang tersendiri, tapi pada masa yang sama mengekalkan hak mereka untuk menyertai sepenuhnya, jika mereka memilih, dalam bidang politik, ekonomi, kehidupan sosial dan budaya Negara-negara.

**Artikel 6**

Setiap individu orang asal mempunyai hak untuk kewarganegaraan.

**Artikel 7**

1. Individu orang asal mempunyai hak untuk hidup, integriti fizikal dan mental, kebebasan dan keselamatan seseorang.

2. Orang asal mempunyai hak secara kolektif untuk hidup dalam kemerdekaan, keamanan dan keselamatan sebagai manusia yang berbeza dari bangsa lain dan tidak boleh sama sekali dijadikan sebagai bahan penghapusan bangsa atau sebarang bentuk keganasan yang lain, termasuk dengan secara paksa mengambil anak orang asal daripada satu kumpulan kepada kumpulan lain.

**Artikel 8**

1. Orang asal dan individu orang asal mempunyai hak untuk tidak dijadikan bahan kepada asimilasi paksa atau pemusnahan budaya mereka.

2. Negara-negara mesti menyediakan mekanisme yang efektif untuk mengelakkan daripada, dan membetulkan:

(a) Sebarang tindakan yang mempunyai matlamat atau akibat untuk merampas integriti orang asal sebagai manusia yang berbeza daripada orang lain, atau daripada nilai-nilai budaya dan identity-identiti etnik mereka;

(b) Sebarang tindakan yang mempunyai matlamat atau akibat untuk merampas tanah, wilayah atau sumber-sumber mereka;

(c) Sebarang bentuk pemindahan populasi secara paksa yang mempunyai matlamat atau kesan untuk mencabuli atau menjejaskan mana-mana hak mereka;

(d) Sebarang bentuk asimilasi dan integrasi secara paksa;

(e) Sebarang bentuk propaganda yang direkabentuk untuk mempromosi atau menghasut diskriminasi berbentuk perkauman atau etnik yang dihalakan kepada mereka

---

<sup>3</sup> Resolusi 217 A (III)

#### **Artikel 9**

Orang asal dan individu orang asal mempunyai hak untuk menjadi anggota sesebuah komuniti orang asal atau negara bangsa, selaras dengan tradisi dan adat resam tempatan komuniti dan negara yang berkaitan. Tiada sebarang bentuk diskriminasi harus wujud daripada amalan hak tersebut.

#### **Artikel 10**

Orang asal tidak boleh dipindahkan secara paksa daripada tanah atau wilayah mereka. Tiada penempatan semula akan berlaku tanpa persetujuan bebas yang diberikan setelah mendapat maklumat yang cukup oleh orang asal yang terlibat dan selepas persetujuan dalam memperoleh pampasan yang adil dan saksama, di mana yang mungkin, dengan pilihan untuk kembali ke tempat asal tersebut.

#### **Artikel 11**

1. Orang asal mempunyai hak untuk mengamalkan dan menggiatkan semula tradisi dan adat resam mereka. Ini termasuk hak untuk mempertahankan, melindungi dan membangunkan manifestasi budaya yang lalu, kini dan akan datang, seperti tapak arkeologi dan sejarah, artifak-artifak, rekabentuk, teknologi dan seni visual dan persembahan dan kesusasteraan.

2. Negara-negara mesti menyediakan pembetulan kesalahan atau tebus rugi melalui mekanisme yang berkesan, yang mesti melibatkan penggantian semula (restitusi), dibangunkan bersama dengan orang asal, dengan rasa hormat terhadap pemilikan budaya, intelektual, agama dan kerohanian mereka yang diambil tanpa persetujuan bebas yang diberikan setelah mendapat maklumat yang cukup atau secara pencabulan undang-undang, tradisi dan adat resam mereka.

#### **Artikel 12**

1. Orang asal mempunyai hak untuk menonjolkan, mengamalkan, membangunkan dan mengajar tradisi kerohanian dan agama mereka, adat resam dan upacara; hak untuk mengekalkan, melindungi, dan memiliki akses kepada kebersendirian (privasi) untuk tapak keagamaan dan budaya mereka; hak untuk menggunakan dan mengawal objek dan peralatan upacara; dan hak untuk penghantaran balik jasad orang yang telah meninggal dunia ke negara/negeri asal mereka.

2. Negara-negara mesti mencari jalan untuk membolehkan akses dan/atau mengembalikan objek-objek istiadat and tinggalan badan manusia yang berada dalam tangan mereka melalui mekanisme yang adil, telus dan berkesan yang dibangunkan dengan kerjasama orang asal yang berkenaan.

#### **Artikel 13**

1. Orang asal berhak untuk menggiatkan semula, menggunakan, membangunkan dan menyampaikan kepada generasi akan datang sejarah, bahasa, tradisi lisan, falsafah, sistem penulisan dan kesusasteraan mereka, dan untuk menamakan dan mengekalkan nama-nama untuk komuniti, tempat dan orang perseorangan.

2. Negara-negara mesti mengambil langkah-langkah berkesan untuk memastikan hak-hak ini dilindungi dan juga untuk memastikan bahawa orang asal faham dan difahami dalam perjalanan politik, undang-undang dan pentadbiran, di mana yang perlu melalui peruntukan oleh tafsiran atau cara-cara bersesuaian yang lain.

#### **Artikel 14**

1. Orang asal berhak untuk membentuk dan mengawal sistem pendidikan dan institusi yang menyediakan pendidikan dalam bahasa mereka, dalam cara yang bersesuaian dengan kaedah budaya mereka dalam mengajar dan belajar.

2. Individu orang asal, terutamanya kanak-kanak, berhak untuk mendapatkan pendidikan di semua peringkat dan bentuk pendidikan dari Negara-negara tanpa diskriminasi.

3. Negara-negara mesti, bersama dengan orang asal, mengambil langkah efektif, untuk membolehkan individu-individu orang asal, terutamanya kanak-kanak, termasuk mereka yang tinggal di luar komuniti mereka, untuk mengakses, bila mungkin, kepada pendidikan dalam budaya mereka dan disediakan dalam bahasa mereka.

#### **Artikel 15**

1. Orang asal berhak untuk maruah dan kepelbagaian budaya, tradisi, sejarah dan aspirasi mereka yang seharusnya digambarkan secara bersesuaian dalam bahan pendidikan dan maklumat awam.

2. Negara-negara mesti mengambil tindakan berkesan, melalui perundingan dan kerjasama dengan orang asal yang berkenaan, untuk melawan prejudis dan menghapuskan diskriminasi dan untuk mempromosikan toleransi, persefahaman dan perhubungan yang baik di kalangan orang asal dan bahagian-bahagian lain dalam masyarakat.

#### **Artikel 16**

1. Orang asal berhak untuk menubuhkan media mereka dalam bahasa mereka sendiri dan berhak untuk mengakses semua bentuk media bukan orang asal, tanpa sebarang diskriminasi.

2. Negara-negara mesti mengambil langkah-langkah efektif untuk memastikan bahawa media yang dimiliki oleh sesebuah negara menggambarkan kepelbagaian budaya orang asal seperti yang sepatutnya. Negara-negara, tanpa sebarang prejudis mesti memastikan kebebasan ekspresi, mesti menggalakkan media swasta dengan secukupnya untuk menggambarkan kepelbagaian budaya orang asal.

#### **Artikel 17**

1. Orang asal secara individu dan secara kolektif berhak untuk menikmati sepenuhnya semua hak yang dibentuk di bawah undang-undang buruh antarabangsa dan dalam negara/negeri yang boleh digunapakai.

2. Negara-negara dengan perundingan dan kerjasama oleh orang asal mesti mengambil langkah-langkah spesifik untuk melindungi kanak-kanak orang asal daripada eksploitasi ekonomi dan daripada menjalankan sebarang kerja yang berkemungkinan berbahaya atau yang mengganggu pendidikan kanak-kanak, atau yang menjejaskan kesihatan dan fizikal, mental, kerohanian, moral atau pembangunan sosial kanak-kanak tersebut, dengan mengambilkira betapa mudahnya kanak-kanak terpengaruh dan kepentingan pendidikan untuk memperkasakan mereka.

3. Individu orang asal mempunyai hak untuk tidak dijadikan bahan kepada sebarang keadaan yang berbentuk diskriminasi sama ada dalam buruh dan, antara lainnya; pekerjaan atau gaji.

#### **Artikel 18**

Orang asal berhak untuk terlibat dalam pembuatan keputusan dalam hal-hal yang mungkin mempengaruhi hak-hak mereka, melalui wakil-wakil yang dipilih oleh orang asal sendiri selaras dengan prosedur mereka sendiri, dan juga untuk mengekalkan dan membangunkan sendiri institusi pembuatan keputusan orang asal yang dimiliki oleh orang asal sendiri.

#### **Artikel 19**

Negara-negara mesti berunding dan bekerjasama atas dasar kepercayaan dengan orang asal yang berkenaan melalui wakil institusi-institusi yang telah dipilih oleh mereka sendiri dalam usaha untuk mendapatkan persetujuan bebas yang diberikan setelah mendapat maklumat yang cukup oleh mereka sebelum mengambil dan melaksanakan langkah-langkah perundangan atau pentadbiran yang mungkin akan memberikan kesan kepada mereka.

#### **Artikel 20**

1. Orang asal berhak untuk mempertahankan dan membangunkan sistem atau institusi politik, ekonomi dan sosial mereka, terjamin dalam menikmati cara-cara sara hidup dan pembangunan mereka sendiri, dan untuk melibatkan diri secara bebas dalam semua aktiviti tradisi dan ekonomi yang lain.

2. Orang asal yang dilucutkan daripada cara-cara mendapatkan sumber sara diri dan pembangunan mereka adalah berhak untuk mendapat pembetulan kesalahan atau tebus rugi yang tepat dan adil.

#### **Artikel 21**

1. Orang asal berhak, tanpa diskriminasi, untuk peningkatan keadaan ekonomi dan sosial, termasuk, antara lainnya; dalam bidang pendidikan, pekerjaan, latihan dan latihan semula vokasional, perumahan, sanitasi, kesihatan dan keselamatan sosial.

2. Negara-negara mesti mengambil langkah-langkah yang efektif dan, di mana bersesuaian, tindakan yang khas untuk memastikan keadaan ekonomi dan sosial mereka bertambah baik secara berterusan. Tumpuan khas mesti diberikan kepada hak dan keperluan khusus golongan warga tua orang asal, wanita, kanak-kanak dan golongan kurang upaya.

#### **Artikel 22**

1. Tumpuan khas patut diberikan kepada hak dan keperluan khusus golongan warga tua orang asal, wanita, kanak-kanak dan golongan kurang upaya dalam pelaksanaan Deklarasi ini.

2. Negara-negara mesti mengambil langkah-langkah, secara pergabungan dengan orang asal, untuk memastikan bahawa wanita dan kanak-kanak orang asal menikmati perlindungan dan jaminan sepenuhnya daripada sebarang bentuk keganasan dan diskriminasi.

#### **Artikel 23**

Orang asal berhak untuk menentukan dan membangunkan keutamaan dan strategi untuk mengamalkan hak mereka ke atas pembangunan. Secara khasnya, orang asal berhak untuk terlibat secara aktif dalam membangunkan dan menentukan program kesihatan, perumahan dan program ekonomi dan sosial yang lain yang memberikan kesan kepada mereka dan, sejauh yang mungkin, untuk mentadbirkan program-program tersebut melalui institusi mereka sendiri.

#### **Artikel 24**

1. Orang asal berhak ke atas perubahan tradisi mereka sendiri dan untuk mempertahankan amalan kesihatan mereka, termasuk pemuliharaan tumbuhan, haiwan dan mineral ubat-ubatan yang sangat penting. Individu orang asal juga berhak untuk mengakses, tanpa sebarang diskriminasi, semua perkhidmatan sosial dan kesihatan.

2. Individu orang asal mempunyai hak yang sama rata untuk menikmati sepenuhnya kesihatan fizikal dan mental yang tertinggi yang boleh dicapai. Negara-negara mesti mengambil langkah-langkah yang perlu dengan gambaran untuk mencapai dengan progresif realisasi sepenuhnya hak ini.

#### **Artikel 25**

Orang asal berhak untuk mengekalkan dan menguatkan perhubungan kerohanian yang tersendiri dengan tanah yang dimiliki secara tradisi atau tanah, wilayah, sungai dan pinggir pantai dan sumber lain yang diduduki dan digunakan dan untuk mendukung tanggungjawab mereka kepada generasi akan datang dalam perkara ini.

#### **Artikel 26**

1. Orang asal berhak ke atas tanah, wilayah dan sumber-sumber yang telah dimiliki oleh mereka secara tradisional, diduduki atau digunakan atau diperolehi.

2. Orang asal berhak untuk memiliki, menggunakan, membangunkan dan mengawal tanah, wilayah dan sumber-sumber yang dimiliki dengan sebab pemilikan tradisi atau pendudukan atau kegunaan tradisi, dan juga yang telah diperolehi oleh mereka.

3. Negara-negara mesti memberikan pengiktirafan dan perlindungan undang-undang kepada tanah, wilayah dan sumber-sumber ini. Pengiktirafan tersebut mesti dikendalikan dengan rasa hormat yang sewajarnya ke atas adat resam, tradisi dan sistem pemegangan tanah orang asal yang berkenaan.

#### **Artikel 27**

Negara-negara mesti menubuhkan dan melaksanakan, bersama dengan orang asal yang berkenaan, satu proses yang adil, bebas, tidak berat sebelah, terbuka dan telus, memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada undang-undang, tradisi, adat resam dan sistem pemegangan tanah orang asal, untuk mengiktiraf dan menghakimi hak-hak orang asal berkenaan dengan tanah, wilayah, dan sumber-sumber, termasuk yang dimiliki secara tradisi atau diduduki atau digunakan. Orang asal berhak untuk terlibat dalam proses ini.

#### **Artikel 28**

1. Orang asal berhak untuk mendapatkan tebus rugi, dengan cara yang melibatkan pengembalian atau, jika ini tidak dapat dilakukan, pampasan yang patut, adil dan saksama, untuk tanah, wilayah dan sumber-sumber yang telah dimiliki secara tradisi atau diduduki atau digunakan, dan yang telah dirampas, diambil, diduduki, digunakan atau dirosakkan tanpa persetujuan bebas yang diberikan setelah mendapat maklumat yang cukup oleh orang asal terlibat.

2. Melainkan telah dipersetujui secara bebas oleh orang-orang yang berkenaan, pampasan yang diberikan mestilah berbentuk tanah, wilayah dan sumber-sumber yang sama kualiti, keluasan dan status undang-undang atau pampasan kewangan atau tebus rugi lain yang bersesuaian.

#### **Artikel 29**

1. Orang asal berhak kepada pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar dan kemampuan produktif tanah atau wilayah dan sumber-sumber mereka. Negara-negara mesti menubuhkan dan melaksanakan program bantuan untuk orang asal untuk pemuliharaan dan perlindungan tersebut, tanpa diskriminasi.

2. Negara-negara mesti mengambil langkah-langkah efektif untuk memastikan tiada penyimpanan atau pembuangan bahan-bahan berbahaya akan dilakukan di atas tanah dan wilayah orang asal tanpa persetujuan bebas yang diberikan setelah mendapat maklumat yang cukup oleh mereka.

3. Negara-negara juga mesti mengambil langkah-langkah yang efektif untuk memastikan, seperti yang diperlukan, yang program untuk pengawasan, memelihara dan memulihkan kesihatan orang asal, seperti yang dibangunkan dan dilaksanakan oleh orang-orang yang menerima kesan daripada bahan tersebut, mesti dilaksanakan dengan sewajarnya.

#### **Artikel 30**

1. Aktiviti ketenteraan tidak boleh dijalankan di atas tanah dan wilayah orang asal, melainkan dijustifikasikan oleh kepentingan awam yang relevan atau dipersetujui secara bebas atau dipohon oleh orang asal yang berkenaan.

2. Negara-negara mesti menjalankan rundingan efektif dengan yang orang asal berkenaan, melalui prosedur yang bersesuaian dan secara khasnya melalui institusi-institusi yang mewakili mereka, sebelum menggunakan tanah atau wilayah mereka untuk aktiviti ketenteraan.

#### **Artikel 31**

1. Orang asal mempunyai hak untuk mempertahankan, mengawal, melindungi dan membangunkan warisan kebudayaan, pengetahuan tradisi dan ekspresi kebudayaan tradisi mereka, di samping manifestasi sains, teknologi dan budaya mereka, termasuk sumber genetik manusia dan sumber alam, benih, perubatan, pengetahuan berkenaan kekayaan flora dan fauna, tradisi lisan, kesusasteraan, rekabentuk, sukan dan permainan tradisi dan seni visual dan persembahan. Mereka juga berhak untuk mempertahankan, mengawal, melindungi dan membangunkan harta intelek ke atas warisan kebudayaan, pengetahuan tradisi, dan ekspresi budaya tradisi tersebut.

2. Bersama dengan orang asal, Negara-negara mesti mengambil langkah-langkah efektif untuk mengiktiraf dan melindungi amalan hak-hak ini.

#### **Artikel 32**

1. Orang asal berhak untuk menentukan dan membangunkan keutamaan dan strategi untuk pembangunan atau penggunaan tanah atau wilayah mereka dan sumber yang lain.

2. Negara-negara mesti berunding dan bekerjasama atas dasar kepercayaan dengan orang asal melalui institusi-institusi yang mewakili orang asal dalam hasrat untuk mendapatkan persetujuan bebas yang diberikan setelah mendapat maklumat yang cukup oleh orang asal sebelum meluluskan sebarang projek yang memberikan kesan kepada tanah atau wilayah dan sumber-sumber lain orang asal, terutamanya yang berkaitan dengan pembangunan, penggunaan atau eksploitasi mineral, air atau sumber lain.

3. Negara-negara mesti menyediakan mekanisme efektif untuk tebus rugi yang patut dan adil untuk sebarang aktiviti tersebut, dan langkah-langkah yang bersesuaian mesti diambil untuk mengurangkan kesan buruk kepada alam sekitar, ekonomi, sosial, budaya atau kerohanian.

#### **Artikel 33**

1. Orang asal berhak untuk mentukan jatidiri atau keahlian mereka sendiri selaras dengan adat resam dan tradisi mereka. Ini tidak merosakkan hak individu orang asal untuk mendapatkan kewarganegaraan dalam sesebuah negara di mana mereka bermastautin.

2. Orang asal berhak untuk menentukan struktur dan untuk memilih keahlian institusi mereka selaras dengan prosedur mereka sendiri.

#### **Artikel 34**

Orang asal berhak untuk mempromosi, membangunkan dan mempertahankan struktur institusi mereka dan adat resam, kerohanian, tradisi, prosedur, amalan mereka yang tersendiri dan, dalam kes di mana wujud, sistem atau adat resam perundangan, selaras dengan piawai hak asasi manusia antarabangsa.

#### **Artikel 35**

Orang asal berhak untuk menentukan tanggungjawab individu-individu terhadap komuniti mereka.

**Artikel 36**

1. Orang asal, terutama mereka yang dibahagikan oleh sempadan antarabangsa, berhak untuk mengekalkan dan membina hubungan, persaudaraan dan kerjasama, termasuk aktiviti bertujuan kerohanian, budaya, politik, ekonomi dan kerjasama, antara ahli mereka termasuk juga dengan orang lain yang berada di luar sempadan.
2. Negara-negara, dengan perundingan dan kerjasama dengan orang asal, mesti mengambil langkah-langkah efektif untuk menyelaraskan amalan tersebut dan memastikan pelaksanaan hak ini.

**Artikel 37**

1. Orang asal berhak ke atas pengiktirafan, pengamalan dan penguatkuasaan perjanjian, persetujuan dan peraturan membina yang lain yang dicapai dengan Negara-negara atau waris mereka dan Negara-negara mesti menyanjung dan menghormati perjanjian, persetujuan dan peraturan membina yang lain.
2. Tiada sebarang perkara dalam Deklarasi ini boleh ditafsirkan sebagai mengurangkan atau menghapuskan hak-hak orang asal yang terkandung dalam perjanjian, persetujuan dan persetujuan membina yang lain.

**Artikel 38**

Negara-negara dengan perundingan dan kerjasama dengan orang asal, mesti mengambil langkah-langkah yang sepatutnya, termasuk tindakan undang-undang, untuk mencapai matlamat Deklarasi ini.

**Artikel 39**

Orang asal berhak untuk mengakses bantuan kewangan dan teknikal daripada Negara-negara dan melalui kerjasama antarabangsa, untuk menikmati hak-hak yang termaktub dalam Deklarasi ini.

**Artikel 40**

Orang asal berhak untuk mengakses keputusan yang tepat dan cepat melalui prosedur yang adil dan saksama untuk penyelesaian konflik dan pertikaian dengan Negara-negara atau kumpulan-kumpulan lain, di samping juga pemulihan yang efektif untuk semua pencerobohan hak-hak individu dan kolektif mereka. Keputusan sebegitu mesti memberikan pertimbangan yang sewajarnya ke atas adat resam, tradisi, peraturan, dan sistem perundangan orang asal yang berkenaan dan hak asasi antarabangsa.

**Artikel 41**

Anggota-anggota dan agensi khusus dalam sistem Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan organisasi antara kerajaan mesti menyumbang ke arah realisasi sepenuhnya peruntukan dalam Deklarasi ini melalui pengerahan, antara lain, dalam hal berkenaan kerjasama kewangan dan bantuan teknikal. Cara-cara dan langkah-langkah untuk memastikan penglibatan orang asal dalam isu yang melibatkan mereka mesti ditubuhkan.

**Artikel 42**

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, badannya, termasuk Forum Tetap untuk Isu-Isu Orang Asal, dan agensi-agensi khusus, termasuk di peringkat negeri, dan Negara-negara yang mempersetujui perjanjian ini, mesti mempromosi dan menghormati dan memastikan aplikasi sepenuhnya peruntukan dalam Deklarasi ini dan menjalankan pengawasan untuk memastikan keberkesanan Deklarasi ini.

**Artikel 43**

Hak-hak yang diiktiraf di dalam Deklarasi ini terdiri daripada piawai minimum untuk kewujudan, martabat dan kesejahteraan orang asal di seluruh dunia.

**Artikel 44**

Semua hak dan kebebasan yang diiktiraf dalam Deklarasi ini adalah dijamin sama rata untuk individu-individu lelaki dan wanita orang asal.

**Artikel 45**

Tiada apa-apa pun dalam Deklarasi ini perlu ditafsir sebagai mengurangkan atau melenyapkan hak-hak orang asal yang dimiliki sekarang atau yang akan diperoleh pada masa akan datang.

**Artikel 46**

1. Tiada apa-apa pun dalam Deklarasi ini mesti ditafsirkan sebagai memberikan mana-mana Negara, orang, kumpulan atau orang perseorangan mempunyai sebarang hak untuk melibatkan diri dalam aktiviti atau untuk menjalankan sebarang tindakan yang bertentangan dengan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu atau ditafsirkan sebagai memberikan kuasa atau menggalakkan sebarang tindakan yang bakal mencerai-beraikan atau merosakkan, sepenuhnya atau sebahagian, martabat wilayah atau perpaduan politik di dalam Negara-negara bebas dan berdaulat.

2. Dalam mengamalkan hak-hak yang dinyatakan di dalam Deklarasi ini, hak asasi manusia dan kebebasan asas semua orang mesti dihormati. Pengamalan hak-hak yang telah ditetapkan dalam Deklarasi ini mesti tertakluk hanya kepada pembatasan seperti yang ditentukan oleh undang-undang, dan selaras dengan tanggungjawab hak asasi antarabangsa. Sebarang pembatasan tersebut mestilah tidak berbentuk diskriminasi dan hanya perlu semata-mata untuk tujuan pengiktirafan dan hormat yang sewajarnya terhadap hak-hak dan kebebasan pihak lain dan untuk memenuhi syarat yang mendorong kepada sebuah masyarakat demokrasi.

3. Peruntukan-peruntukan yang ditetapkan dalam Deklarasi ini mesti ditafsirkan selaras dengan prinsip keadilan, demokrasi, hormat kepada hak asasi manusia, kesama-rataan, tiada diskriminasi, pemerintahan baik dan bertujuan murni.